



PENYATA  
JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
(JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN  
DE PALMA MANAGEMENT SERVICES SDN BHD.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DE PALMA MANAGEMENT SERVICES SDN BHD.**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013 pada 19 - 22 November, 25 – 29 November dan 2 Disember 2013.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011 pada muka surat 120 – 138, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 27 Ogos 2013 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai pengurusan De Palma Management Services Sdn Bhd.

Mesyuarat ini dihadiri oleh:

|    |                                                              |           |
|----|--------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| 3. | Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Batu Caves)             | Ahli      |
| 4. | Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                        | Ahli      |
| 5. | Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Rawang)                        | Ahli      |
| 6. | Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)           | Ahli      |

**URUS SETIA**

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Setiausaha Pejabat

#### AHLI – AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) :

|                                                                  |   |           |
|------------------------------------------------------------------|---|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)  | - | Pengerusi |
| ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya) | - | Ahli      |
| iii) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Kawasan Batu Caves)    | - | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)                | - | Ahli      |
| v) Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)        | - | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | - | Ahli      |
| vii) Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)  | - | Ahli      |

Wakil daripada De Palma Management Sdn Bhd:

1. Puan Noraida binti Mohd Yusof  
Timbalan Pengurus Besar Pentadbiran PKNS
2. Puan Nor Azlina binti Amran  
Pengurus Kanan Kewangan
3. Datuk Mohd Ilyas bin Zainal Abidin  
Pengurus Besar De Palma
4. J.T Suresh  
Acting Financial Controller

#### 3. PENEMUAN AUDIT DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

- (1) Prestasi Keuntungan Tidak Mencapai Sasaran
- (2) Sasaran Kadar Penginapan Kumpulan Tidak Tercapai
- (3) Pengurusan Aktiviti Pengiklanan Dan Promosi Tidak Memuaskan
- (4) Penyenggaraan Hotel
- (5) Perkhidmatan Dan Kemudahan Yang Disediakan
- (6) Kualiti Dan Keselamatan Bilik Penginapan
- (7) Lembaga Pengarah
- (8) Manfaat Ahli Lembaga Pengarah
- (9) Pembayaran Dividen
- (10) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan
- (11) Jawatankuasa EXCO

#### **4. HASIL PENDENGARAN DALAM DAN SARANAN JAWATANKUASA**

##### **4.1 Prestasi Keuntungan Tidak Mencapai Sasaran**

###### **Semakan Audit**

1. Secara keseluruhannya, keuntungan adalah tidak konsisten dan merosot.
2. De Palma Sepang telah mengalami kerugian.
3. Keuntungan aktiviti utama dari tahun 2009 hingga 2011 hanya daripada sumbangan De Palma Ampang (DPA) dan De Palma Shah Alam (DPSA).

###### **Perakuan De Palma**

1. Inisiatif telah diambil untuk meningkat kadar penginapan.
2. Pencapaian keuntungan kasar 2012 adalah RM1,888,871 berbanding dengan keuntungan 2011 sebanyak RM1,741,289.
3. De Palma telah memperoleh pelanggan kerajaan kerana De Palma Management Services (DPMS) menawarkan konsep syariah pada tahun 2007, tetapi tidak dapat menarik pelanggan korporat kerana rangkaian hotel tidak sesuai dengan keperluan dan cita rasa mereka.

###### **Penemuan Jawatankuasa**

1. Tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009, 2010, 2011.
2. Dari tahun 2009 sehingga ke tahun 2011, De Palma Ampang (DPA) dan De Palma Shah Alam (DPSA) masing-masing memberi sumbangan 75% dan 19% keuntungan.
3. DPS telah ditutup kerana tidak mempunyai skala ekonomi dan disewa kepada syarikat swasta untuk membuat akademi pembelajaran agama.

###### **Saranan Jawatankuasa**

1. Sasaran pasaran harus ditumpukan kepada kedua-dua pelanggan kerajaan dan korporat.

Penyata ini disediakan oleh YB. Tuan Ng Sze Han, Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini juga telah dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 21 Oktober 2013.

Disahkan oleh :



YB Tuan Hj Saari Sungib  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

### Saranan Jawatankuasa

Jawatankuasa tersebut perlu ditubuhkan dengan segera berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993.

#### **4.11 Jawatankuasa Exco**

##### Semakan Audit

Mengikut perjanjian antara DPMS dengan syarikat swasta yang dilantik sebagai pengendali hotel, Jawatankuasa EXCO mengadakan mesyuarat sebulan sekali dan bertanggungjawab untuk melaksanakan dan mengkaji serta menambahbaikkan dasar yang telah ditetapkan.

##### Perakuan De Palma

1. Setiap mesyuarat EXCO telah dijalankan.
2. Penambahbaikan telah dilakukan dari semasa ke semasa.
3. Bahagian hospitaliti telah ditubuhkan oleh PKNS bagi memantapkan lagi tugas dan tanggungjawab EXCO.

### Saranan Jawatankuasa

Pencapaian prestasi syarikat perlu dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNS.

#### **5. SARANAN JAWATANKUASA SECARA KESELURUHAN**

Jawatankuasa berpandangan bahawa satu kaedah yang lebih berkesan dalam pengurusan bidang hospitaliti adalah diperlukan. Kerajaan Negeri perlu mengkaji untuk menyatukan semua Anak Syarikat Kerajaan Negeri dalam bidang hospitaliti di bawah satu pengurusan.

Jawatankuasa juga berpandangan Kerajaan Negeri perlu menilai semula penglibatan kerajaan dalam bidang perniagaan yang tidak memberi manfaat yang besar dalam pengurusan dan pembangunan negeri.

2. Struktur hotel perlu diubahsuai dan dinaikkan taraf mengikut kehendak dan permintaan pelanggan (berdasarkan penyelidikan maklum balas daripada pelanggan).

#### **4.2 Sasaran Kadar Penginapan Kumpulan Tidak Tercapai**

##### Semakan Audit

Kadar penginapan kumpulan bagi tahun 2009 sehingga ke tahun 2011 adalah sederhana, dan tidak mencapai sasaran.

##### Perakuan De Palma

1. Langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan kadar penginapan termasuk menjadikan kumpulan pelancong luar daripada China, Bangladesh, Indonesia dan Iran sebagai sasaran, bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan negara-negara luar khususnya negara-negara Timur Tengah dalam mempromosikan konsep syariah.
2. Tempahan *online* telah dilaksanakan melalui kerjasama dengan Expedia, Agoda, Hotelbeds, Booking.com.
3. Pada tahun 2009, jumlah kadar penginapan ialah 57.6%, tahun 2010 ialah 54.3% dan tahun 2011 ialah 56.2%.
4. Penggunaan aset fizikal serta kemudahan hotel adalah pada kadar antara 54.3% hingga 64.8%.

##### Penemuan Jawatankuasa

1. Tidak mencapai sasaran dengan konsisten.
2. "Average Occupancy Rate (AOR)" bagi hotel di Selangor pada tahun 2012 adalah 67.3%.
3. Penggunaan tempahan secara *online* telah meningkat sehingga 20%, standard Industri boleh mencapai sehingga 30-35%.

##### Saranan Jawatankuasa

1. Laman web hotel perlulah sentiasa mengemas kini supaya dapat dilayari oleh para pelanggan yang ingin mendapatkan maklumat perkhidmatan hotel.

2. Mengadakan program-program mengikut tema perayaan untuk menarik lebih ramai pelanggan.

#### **4.3 Pengurusan Aktiviti Pengiklanan dan Promosi Tidak Memuaskan**

##### **Semakan Audit**

1. Aktiviti pengiklanan hanya tertumpu kepada De Palma Ampang (DPA) dan De Palma Shah Alam (DPSA).
2. Tiada publisiti melalui media massa.

##### **Perakuan De Palma**

De Palma Management Services (DPMS) telah menjalankan beberapa strategi pemasaran yang agresif dengan menggunakan media elektronik seperti Facebook, Twitter dan agensi laman web.

##### **Penemuan Jawatankuasa**

1. Teknik utama pengiklanan adalah melalui percetakan brosur dan risalah.
2. Promosi melalui papan iklan dan *banner* hanya tertumpu kepada De Palma Ampang (DPA) sahaja.

##### **Saranan Jawatankuasa**

1. Saluran media elektronik seperti Facebook perlu digunakan secara optimum dan perlu mengemas kini informasi hotel dari semasa ke semasa untuk memberikan maklumat yang terkini kepada para pelanggan.
2. Kempen yang lebih menyeluruh dengan agensi-agensi seperti MATTA Fair dan agensi luar negara.

#### **4.4 Penyelenggaraan Hotel**

##### **Semakan Audit**

Fokus utama adalah pada perkhidmatan kawalan keselamatan.

#### **4.9 Pembayaran Dividen**

##### **Semakan Audit**

1. Pihak audit mendapati bahawa DPMS tidak pernah membayar dividen saham utama seperti yang ditetapkan pada kadar 3 %.
2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan, iaitu cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk kepada pihak berkuasa negeri.
3. Dividen perlu dibayar kepada kerajaan negeri sebagai pemegang saham.

##### **Perakuan De Palma**

Namun, DPMS memberi maklum balas bahawa pihak mereka telah membayar PKNS dividen saham utama berjumlah RM 60,000.00 pada kadar 3 % bagi tahun 2009 dan 2010; dan RM 500,000 dividen saham biasa untuk tahun 2011.

##### **Saranan Jawatankuasa**

Kadar dividen dinaikkan dari 3% kepada 5 %.

#### **4.10 Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

##### **Semakan Audit**

1. Semakan audit mendapati DPMS tidak mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.
2. Sehingga tarikh audit, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan masih belum ditubuhkan walaupun penubuhan telah diluluskan pada 13hb April 2009 oleh Mesyuarat Pengurusan PKNS Bilangan 2 Tahun 2009.

##### **Perakuan De Palma**

Maklum balas adalah bahawa Lembaga Pengarah DPMS bertarikh 26hb Julai 2012 telah meluluskan untuk DPMS mengguna pakai perkhidmatan Bahagian Audit Dalam PKNS sebagai Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan mulai 1hb Ogos 2012.

### Saranan Jawatankuasa

Pelantikan Lembaga Pengarah DPMS sewajarnya dilaksanakan selaras dengan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat dan peraturan kerajaan bagi menjaga kepentingan PKNS dan Kerajaan Negeri Selangor.

### **4.8 Manfaat Ahli Lembaga Pengarah**

#### Semakan Audit

1. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah DPMS tidak mewujudkan jawatankuasa bagi menentukan ganjaran dan manfaat Lembaga Pengarah DPMS.
2. Lembaga Pengarah PKNS tidak menetapkan ganjaran dan manfaat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
3. Ganjaran dan manfaat yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah DPMS berjumlah RM 74500 bagi tahun 2009, RM 42000 bagi tahun 2010 dan RM 31250 bagi tahun 2011 hanya diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah DPMS dan tidak dibentangkan untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PKNS.

### Perakuan De Palma

1. Elaun mesyuarat dibayar kepada Lembaga Pengarah ditetapkan di peringkat Lembaga Pengarah DPMS.
2. Elaun-elaun tersebut telah dimaklumkan ke bahagian korporat PKNS.
3. Yuran tahunan pengarah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah DPMS dan dibawa untuk kelulusan Jawatankuasa Kewangan PKNS mengikut prestasi pendapatan dan keuntungan syarikat selaras dengan semua anak syarikat PKNS yang lain.

### Saranan Jawatankuasa

Ganjaran dan manfaat Ahli Lembaga Pengarah perlu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PKNS untuk mendapatkan kelulusan, termasuk membetulkan kelulusan tahun 2009, 2010 dan 2011.

### Perakuan De Palma

1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan telah ditambahbaikkan.
2. Sebanyak 16 saluran CCTV telah ditambahkan.

### Penemuan Jawatankuasa

1. Kesemua CCTV kini berfungsi dengan baik.
2. Liputan yang lebih baik di kawasan-kawasan yang kritikal.

### Saranan Jawatankuasa

Meningkatkan sistem dan program kawalan keselamatan.

### **4.5 Perkhidmatan dan Kemudahan yang disediakan**

#### Semakan Audit

Secara keseluruhannya, para pengunjung adalah berpuas hati dengan layanan bahagian kaunter:

- (1) 43.2 % pelanggan memberi gred **baik** terhadap perkhidmatan hotel.
- (2) 28.4% gred **sangat baik**.
- (3) 7.4 % **tidak berpuas hati** dengan layanan kaunter.

### Perakuan De Palma

Pihak De Palma Management Services (DPMS) telah memberikan pengalaman baru kepada para pengunjung mengikut konsep Syariah antaranya pembacaan doa ketibaan dan perkhidmatan panggilan untuk solat subuh.

### Penemuan Jawatankuasa

1. Untuk menambah baik kemudahan di De Palma adalah di bawah tanggungjawab PKNS. De Palma masih dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Pengarah PKNS.

2. PKNS memaklumkan telah meminta pihak De Palma Management untuk membuat kajian keseluruhan dan anggaran keseluruhan juga telah diterima.

#### Saranan Jawatankuasa

1. Perkhidmatan kaunter perlu dipertingkatkan lagi.
2. De Palma Management perlu berbincang dengan PKNS untuk mengkaji bagaimana untuk membiayai kos menaik taraf sama ada secara memberi pinjaman atau PKNS sebagai tuan bangunan memberi suntikan modal.

#### **4.6 Kualiti dan Keselamatan Bilik Penginapan**

##### Semakan Audit

1. Maklum balas pengunjung terhadap kualiti dan keselamatan bilik penginapan adalah baik secara keseluruhannya.
2. Hanya sebahagian kecil pengunjung tidak berpuas hati dengan kelengkapan bilik dan kebocoran tandas:
  - (1) 42.3% pelanggan memberi gred **baik**.
  - (2) 29% memberi gred **sangat baik**.
  - (3) 7.7% **tidak berpuas hati**.

##### Perakuan De Palma

1. Pengurusan bilik penginapan telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bilik untuk memenuhi kehendak para pengunjung.
2. Kakitangan bahagian bilik akan menjalankan lawatan ke setiap bilik untuk mendapatkan maklum balas pelanggan terhadap keadaan bilik setiap petang.

#### Saranan Jawatankuasa

1. Pengurus bahagian bilik perlu memastikan kakitangan menjalankan tugas dengan baik dan memastikan kelengkapan dalam bilik adalah sentiasa lengkap dan memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

2. Mewujudkan sistem penyelenggaraan yang teratur dan berkesan.

#### **4.7 Lembaga Pengarah**

##### Semakan Audit

1. Semakan audit mendapati Lembaga Pengarah De Palma Management Services (DPMS) dianggotai oleh 3 ahli:
  - (1) Timbalan Pengurus Besar Perhubungan Korporat PKNS.
  - (2) Setiausaha Kerja PKNS.
  - (3) Pengarah bukan eksekutif, Ahli Parlimen Kuala Langat.
2. Semakan audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan pelantikan YB Tuan Haji Abdullah Sani bin Abdul Hamid, Ahli Parlimen Kuala Langat telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PKNS.
3. Pekeliling Perbendaharaan Bil 12 Tahun 1993 menetapkan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun.
4. Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk mengurus syarikat, maka 1/3 keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif yang bebas, berwibawa dan berpengalaman.

##### Perakuan De Palma

1. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah De Palma Management Services (DPMS) dijalankan oleh pengurusan PKNS.
2. Pelantikan YB Tuan Haji Abdullah Sani bin Abdul Hamid dibuat oleh Pejabat Menteri Besar.



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
(JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN RANTAIAN MESRA SDN BHD.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN RANTAIAN MESRA SDN BHD.**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013 pada 19 - 22 November, 25 – 29 November dan 2 Disember 2013.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011 pada muka surat 112 – 119, JP-ABAS telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 20 Ogos 2013 dengan memanggil wakil-wakil daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Rangkaian Mesra Sdn Bhd untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Rawang)                        | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                        | Ahli      |
| 5. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)               | Ahli      |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)           | Ahli      |

**URUS SETIA**

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Setiausaha Pejabat

## AHLI – AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) :

- |                                                                  |   |           |
|------------------------------------------------------------------|---|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)  | - | Pengerusi |
| ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya) | - | Ahli      |
| iii) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Kawasan Batu Caves)    | - | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)                | - | Ahli      |
| v) Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)        | - | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | - | Ahli      |
| vii) Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)  | - | Ahli      |

Jabatan yang dijemput adalah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) iaitu Rangkaian Mesra Sdn Bhd:

1. Puan Rohany binti Talib  
Ketua Pentadbir MBI
2. Encik Kamsani bin Nasir  
Ketua Pegawai Operasi RMSB

### 3. PENEMUAN AUDIT DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Selaras dengan ulasan Audit dan maklum balas pendengaran tertutup yang telah dijalankan oleh JP-ABAS terhadap RMSB, perkara-perkara berikut telah diperhalusi:

- (1) Penembusan Pendaftaran SMUE Sebanyak 70%
- (2) Pemantauan Fizikal terhadap Program SMUE
- (3) Mesyuarat Lembaga Pengarah Tidak Mengikut Kekerapan yang Ditetapkan
- (4) Audit Dalam Tidak Pernah Diwujudkan
- (5) Tiada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan
- (6) Standard Operating Procedures (SOP) Tidak Disediakan

### 4. PENEMUAN DAN SARANAN JAWATANKUASA

#### 4.1 Penembusan Pendaftaran SMUE Sebanyak 70%

##### Semakan Audit:

Daripada 9 DUN hanya 57.2% telah mendaftar manakala 42.8% masih belum mendaftar dengan Program SMUE. Oleh itu, penembusan pendaftaran SMUE sebanyak 70% tidak dicapai.

##### Perakuan RMSB:

1. Tidak ada data yang jelas berkaitan jumlah warga emas yang sebenarnya layak
2. RMSB telah menggunakan data Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai rujukan
3. Berdasarkan data SPR dan prestasi bayaran kepada waris yang dibuat pada tahun 2009, RMSB menegaskan bahawa peratus sebenar warga emas yang benar-benar layak yang sudah berdaftar di Selangor adalah 84.9% dan di Wilayah Persekutuan adalah 62.8%.

4. RMSB menyatakan pendaftaran warga emas di Selangor sebanyak 84.9% sudah pun mencapai sasaran 70% yang ditetapkan manakala pendaftaran warga emas di Wilayah Persekutuan sebanyak 62.8% adalah tidak jauh daripada sasaran yang ditetapkan, iaitu 70%.

**Penemuan Jawatankuasa:**

1. Kaedah yang digunakan oleh RMSB untuk menetapkan peraturan pendaftaran warga emas yang dibentangkan kepada Jawatankuasa adalah tidak sama dengan kaedah yang telah dikemukakan kepada Audit.
2. Perakuan RMSB bahawa peratus sebenar warga emas yang benar-benar layak yang sudah berdaftar di Selangor sebagai 84.9% dan di Wilayah Persekutuan sebagai 62.8% adalah tidak cukup saintifik dan kurang meyakinkan.

**Saranan Jawatankuasa:**

1. RMSB mengguna pakai daftar pemilih SPR yang dikemas kini pada setiap awal tahun sebagai panduan asas menetapkan peratus pendaftaran Program SMUE.
2. RMSB menggunakan kaedah *sampling* untuk mengenal pasti anggaran berapa peratus warga emas dalam daftar pemilih SPR yang layak didaftarkan dalam Program SMUE pada setiap tiga (3) tahun.
3. Setelah peratus dalam perkara (2) di atas dikemas kini, hendaklah RMSB menetapkan sasaran 80% pendaftaran warga emas dalam Program SMUE bagi tahun tersebut.
4. Selepas proses (2) dan (3) RMSB hendaklah membekalkan secara *online* senarai nama warga emas yang layak berserta nombor kad pengenalan dan alamat kepada semua Pusat Khidmat Masyarakat ADN (PKM) bagi setiap (6) enam bulan.
5. RMSB hendaklah meningkatkan promosi dan pemasaran untuk memberi kesedaran agar warga emas yang belum mendaftar untuk mendaftar.

**4.2 Pemantauan Fizikal terhadap Program SMUE**

**Semakan Audit:**

1. RMSB tidak dapat membuat pemantauan secara fizikal terhadap Program SMUE yang melibatkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pusat Khidmat Masyarakat ADN (PKM).
2. Tiada prosedur kerja yang jelas menyatakan tugas pemantauan yang patut dijalankan oleh pihak RMSB.

Penyata ini disediakan oleh YB Tuan Hj Saari Sungib, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini juga telah dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 21 Oktober 2013.

Disahkan oleh :



YB Tuan Hj Saari Sungib  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

#### 4.6 Standard Operating Procedures (SOP) Tidak Disediakan

##### Semakan Audit:

Pihak RMSB tidak menyediakan SOP.

##### Perakuan RMSB:

SOP dan prosedur kewangan telah dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah dan telah mendapat kelulusan pada 12 April 2012.

#### 5. SARANAN JAWATANKUASA SECARA KESELURUHAN PROGRAM SMUE

Jawatankuasa berpandangan bahawa Program SMUE adalah satu program yang baik bagi menjayakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Program SMUE juga akan ditambah nilai sekiranya lebih daripada 80% warga emas di Negeri Selangor berpandukan daftar pemilih SPR berjaya didaftarkan. Oleh itu gerak kerja untuk memastikan daftar pemilih SPR dikemas kini setiap tahun adalah amat penting. Pada masa yang sama langkah-langkah untuk mempromosi Program SMUE dengan lebih meluaskan hendaklah dijalankan bagi mendaftarkan warga emas yang mungkin tidak terdapat dalam daftar pemilih SPR dan juga bagi meningkatkan pendaftaran Orang Kelainan Upaya (OKU).

Jawatankuasa juga berpandangan bahawa perkara paling utama dalam pelaksanaan Program SMUE adalah penyelarasan di kalangan agensi-agensi terbabit dan bukannya pemantauan fizikal sebagaimana yang ditugaskan kepada RMSB. Oleh itu, Jawatankuasa juga seiring pandangan dengan Audit bahawa Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan kewujudan RMSB kerana sebagai penyelar Program SMUE, RMSB tidak menjana pendapatan dan bergantung sepenuhnya kepada geran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) untuk menampung kos operasinya. Tugas menjayakan Program SMUE dalam konteks MES adalah lebih jelas sekiranya dilaksanakan oleh agensi di bawah bidang kuasa MMKN dan bukannya secara tidak langsung di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

3. Bidang kuasa pemantauan yang terhad menyebabkan beberapa kelemahan berlaku.

##### Perakuan RMSB:

1. RMSB dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan Program SMUE.
2. RMSB tidak diberikan kuasa yang membolehkan ia melakukan pemantauan secara menyeluruh terhadap pelaksanaan Program SMUE terutama yang membabitkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pusat Khidmat Masyarakat ADN (PKM).
3. RMSB hanya mampu menyediakan laporan bulanan yang diberikan kepada pihak-pihak tertentu untuk tindakan.

##### Penemuan Jawatankuasa:

1. RMSB bukan satu-satunya badan yang terlibat sebagai *stakeholder* kritikal dalam menjayakan Program SMUE.
2. Badan-badan lain yang terlibat dalam Program SMUE adalah Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS), Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pusat-pusat Khidmat Masyarakat ADN (PKM).
3. Dalam pelaksanaan Program SMUE, RMSB hampir-hampir tidak mempunyai sebarang kuasa pemantauan.
4. Bidang kuasa untuk memantau PNS dan PDT adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri (PBN) manakala setiap PKM mempunyai hak dan kebebasannya tersendiri di bawah kendalian ADN.
5. Sebagai entiti sebuah syarikat RMSB tidak mempunyai sebarang *local standi* untuk memantau PNS, PDT mahupun PKM.

##### Saranan Jawatankuasa:

1. Menyusun semula bidang tugas agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Program SMUE seperti berikut:
  - 1.1 RMSB: menjadi agensi utama dalam mempromosi dan mendaftarkan warga emas; memudah cara pelaksanaan program-program yang melibatkan Program SMUE, memudah cara hubungan kerja antara PNS, PDT dan PKM.
  - 1.2 PDT: membuat rekupun setelah menerima dokumen lengkap daripada PKM, menyekat rekupun sekiranya dokumen daripada PKM tidak lengkap, menguruskan peruntukan kewangan dan apungan serta tunggakan bayaran dengan kelulusan PNS.

- 1.3 PKM: menjadi agensi utama di kawasan bagi mendaftarkan warga emas bagi Program SMUE, menguruskan bayaran, menyediakan dokumen lengkap kepada PDT bagi tujuan rekupan.
2. Ditiadakan pembayaran Fasa 1 dan Fasa 2, sebaliknya:
  - 2.1 membuat bayaran sekali gus berjumlah RM2,500 yang diserahkan kepada waris selepas kematian, atau
  - 2.2 membuat bayaran RM500 secara berperingkat kepada warga emas semasa hayat dan baki RM2,000 kepada waris selepas kematian.
4. PBN mengarahkan Audit Dalam menjalankan audit berkala terhadap pengurusan dan pelaksanaan Program SMUE di PNS dan PDT.
5. PBN melantik panel juruaudit luar untuk melaksanakan audit setiap tahun terhadap penggunaan akaun dan pembayaran Program SMUE oleh setiap PKM di seluruh Selangor.

#### **4.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Tidak Mengikut Kekerapan yang Ditetapkan**

##### **Semakan Audit:**

Lembaga Pengarah tidak mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan seperti yang ditetapkan.

##### **Perakuan RMSB:**

1. RMSB telah mengambil maklum teguran pihak Audit dan telah memperbetulkan.
2. Mesyuarat Lembaga Pengarah sudah berjalan sebanyak tiga kali dari Januari 2012 hingga Oktober 2012.
3. Ketua Pegawai Operasi RMSB turut diberikan elaun menghadiri mesyuarat.

##### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Penetapan Mesyuarat Lembaga Pengarah RMSB diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun adalah satu perkara baik dan satu amalan yang sihat.
2. Pemberian elaun hadir mesyuarat kepada Ketua Pegawai Operasi atau mana-mana eksekutif RMSB adalah satu amalan yang kurang sihat.

##### **Saranan Jawatankuasa:**

1. RMSB memastikan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun.

2. Amalan memberi elaun mesyuarat kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai eksekutif RMSB hendaklah diberhentikan serta-merta.

#### **4.4 Audit Dalam Tidak Pernah Diwujudkan**

##### **Semakan Audit:**

1. Audit dalam tidak pernah diwujudkan sejak RMSB ditubuhkan.
2. RMSB tidak pernah diaudit oleh badan audit lain di bawah arahan Kerajaan Negeri.

##### **Perakuan RMSB:**

1. Tidak ada keperluan mewujudkan audit dalam secara berasingan kerana saiz syarikat yang kecil.
2. Pihak MBI sudah pun melakukan audit pengurusan dan pentadbiran RMSB.

##### **Penemuan Jawatankuasa:**

Langkah MBI menjalankan audit dalam ke atas RMSB adalah langkah yang betul dan tepat.

##### **Saranan Jawatankuasa:**

1. MBI memantau pengurusan serta mewujudkan sistem audit pengurusan terhadap RMSB secara teratur serta didokumentasikan secara lengkap.
2. Sebagai sebuah syarikat, RMSB perlu patuh kepada segala peraturan di bawah Registrar of Companies (ROC) dan pada masa yang sama, RMSB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

#### **4.5 Tiada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan**

##### **Semakan Audit:**

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan sejak RMSB ditubuhkan pada tahun 2008.

##### **Perakuan RMSB:**

Tindakan telah diambil bagi membentuk Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan pada kadar segera.

## URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Setiausaha Pejabat



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
(JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)  
UNTUK SKIM TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS) UNTUK SKIM TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013 pada 19 - 22 November, 25 – 29 November dan 2 Disember 2013.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011 pada muka surat 85 – 92, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 30 Julai 2013 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai pengurusan Skim Tabung Warisan Anak Selangor. Wakil-wakil daripada YAWAS hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| 3. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Batu Caves)             | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                        | Ahli      |
| 5. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)               | Ahli      |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)           | Ahli      |

**AHLI – AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) :

- |                                                                  |   |           |
|------------------------------------------------------------------|---|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)  | - | Pengerusi |
| ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya) | - | Ahli      |
| iii) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Kawasan Batu Caves)    | - | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)                | - | Ahli      |
| v) Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)        | - | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | - | Ahli      |
| vii) Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)  | - | Ahli      |

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Ahli) dan YB Tuan Hj Saari Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini juga telah dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 21 Oktober 2013.

Disahkan oleh :



YB Tuan Hj Saari Sungib  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

Jabatan yang dijemput adalah Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS):

1. Tuan Haji Mohd Nor Bin Mohd Zin  
Pengurus Besar YAWAS
2. S. Rodiyah Binti Naseran  
Eksekutif Kanan

### 3. LATARBELAKANG TAWAS

Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang diwujudkan pada tahun 2008 merupakan salah satu program dalam agenda program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Melalui skim ini, sejumlah RM100 dalam bentuk Sijil Simpanan Tetap (SST) diberi kepada setiap anak kelahiran Selangor. Pada usia 18 tahun, anak ini berpeluang menerima RM1500 seorang hasil daripada caruman dalam pelaburan dana ini.

Skim TAWAS diurus oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) iaitu sebuah organisasi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan secara khusus di bawah bidang kuasa Menteri Besar (Pemerbadanan) – (MBI).

Pengurusan YAWAS diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 31 orang kakitangan. Lembaga Pemegang Amanah YAWAS terdiri daripada 6 ahli iaitu Menteri Besar Selangor, Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan 3 orang pesara korporat. YAWAS mula beroperasi pada 5 Februari 2009 dengan dana peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM13.50 Juta.

Daripada dana tersebut, sejumlah RM8.50 juta adalah diperuntukkan untuk pemberian SST berjumlah RM100 seorang bagi maksud pembukaan akaun TAWAS peserta manakala baki RM5 juta untuk kos operasi YAWAS.

Setakat bulan Disember 2011, sejumlah RM7.82 juta daripada peruntukan dana yang diluluskan telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta dan kos operasi RM4.90 juta. Maklumat lanjut adalah seperti dalam jadual di bawah.

| Tahun  | Dana Yang Diluluskan (RM Juta) | Perbelanjaan Bersih (RM Juta) | Peratus Belanja (%) | Baki Dana Kemas Kini (RM Juta) |
|--------|--------------------------------|-------------------------------|---------------------|--------------------------------|
| 2009   | 8.50                           | 1.03                          | 12.1                | 7.47                           |
| 2010   | -                              | 1.18                          | 13.9                | 6.29                           |
| 2011   | -                              | 0.71                          | 8.4                 | 5.58                           |
| Jumlah | -                              | 2.92                          | 34.4                | 5.58                           |

Perbelanjaan Pembukaan Akaun TAWAS Bagi Tahun 2009 hingga 2011

| Tahun         | Dana Yang Diluluskan (RM Juta) | Perbelanjaan Bersih (RM Juta) | Peratus Belanja (%) | Baki Dana Kemas Kini (RM Juta) |
|---------------|--------------------------------|-------------------------------|---------------------|--------------------------------|
| 2009          | 5.00                           | 1.55                          | 31.0                | 3.45                           |
| 2010          | -                              | 1.64                          | 32.8                | 1.81                           |
| 2011          | -                              | 1.71                          | 34.2                | 0.10                           |
| <b>Jumlah</b> | <b>5.00</b>                    | <b>4.90*</b>                  | <b>98</b>           | <b>0.10</b>                    |

Perbelanjaan Kos Operasi YAWAS Bagi Tahun 2009 hingga 2011 (\*jumlah ini termasuk perbelanjaan bagi Skim Mesra Usia Emas)

Bagi tempoh kelahiran dari tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 60,972 daripada 74,212 permohonan yang layak telah diluluskan. Daripada pendaftaran yang diluluskan, 21,918 akaun TAWAS telah dibuka. Tempoh matang pertama bagi peserta yang didaftarkan adalah pada tahun 2025 iaitu 18 tahun dari tahun pertama Skim TAWAS didaftar pada tahun 2008.

#### 4. PENEMUAN AUDIT DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati sasaran pendaftaran dan kelulusan keahlian Skim TAWAS bagi tempoh tersebut telah dicapai.

Setakat bulan Disember 2011, sejumlah RM7.82 juta daripada peruntukan dana yang diluluskan telah dibelanjakan. Namun, isu perbelanjaan pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta dan kos operasi RM4.90 juta perlu diberikan penjelasan.

Pada masa yang sama, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki, secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah:

- Liputan faedah program TAWAS yang tidak menyeluruh iaitu hanya 19.4% anak kelahiran Selangor telah diluluskan menjadi ahli TAWAS.
- Aktiviti pelaburan yang dirancang bagi pembiayaan pengurusan skim tidak dilaksanakan.
- Sijil Simpanan Tetap lewat dikeluarkan.
- Garis panduan atau Standard Operating Procedures YAWAS/Skim TAWAS tidak lengkap.
- Back-up System TAWAS tidak diuji.

#### 5. PENEMUAN JAWATANKUASA

##### 5.1 Perbelanjaan Pembukaan Akaun TAWAS berjumlah RM2.92 Juta dan Kos Operasi RM4.90 Juta Perlu Diberikan Penjelasan.

- Menyerahkan RM700 kepada peserta pada tahun ke-7 sebagai hadiah anak masuk sekolah (bagi yang memilih tidak mengambil RM500 ketika anak tersebut masuk tadika)

##### Pilihan Kedua:

- Tabungan RM100 tahun pertama dan ditambah RM50 setiap peserta setahun hingga tahun ke-5 ataupun hingga tahun ke-7.
- Menyerahkan RM300 kepada peserta pada tahun ke-5 tahun sebagai hadiah anak masuk tadika; atau
- Menyerahkan RM400 kepada peserta pada tahun ke-7 sebagai hadiah anak masuk sekolah (bagi yang memilih tidak mengambil RM300 ketika anak tersebut masuk tadika)
- Menjenamakan semula Skim TAWAS sebagai "Hadiah Anak Masuk Tadika" dan "Hadiah Anak Masuk Sekolah".

2. Pihak YAWAS perlu mengkaji kembali struktur kos operasi yang tinggi berjumlah RM4,260,270 berbanding kos perbelanjaan teras iaitu pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta sahaja.
3. Menyediakan perancangan strategik YAWAS selaku pengurus Skim TAWAS dengan mengambil kira sumber pendapatan bagi pembiayaan Skim TAWAS serta perbelanjaan operasi TAWAS dalam jangka masa panjang.
4. (Tertakluk kepada Saranan B) Mengkaji semula pengeluaran SST kepada peserta, kekangan dari pihak bank untuk mempercepat proses pengeluaran SST setelah pendaftaran diluluskan menyebabkan ramai peserta yang merungut serta mendakwa Kerajaan Negeri tidak menepati janji untuk menyerahkan SST bernilai RM100 walaupun pendaftaran anaknya dibuat pada tahun 2008.
5. Menyediakan SOP yang komprehensif sebagai rujukan untuk pengurusan YAWAS dan Skim TAWAS, kerana beberapa perkara penting berkaitan skim ini belum didokumentasikan sebagai satu rujukan rasmi bagi menjadi panduan menguruskan Skim TAWAS.
6. Memastikan kelangsungan sistem maklumat TAWAS dengan menyediakan *Business Continuity Plan* yang berkesan merangkumi kaedah penyimpanan data *backup* yang teratur.

#### B. SARANAN PERUBAHAN DASAR

1. Melaksanakan dasar tabungan rakyat dan bukan caruman di dalam pelaburan dana.
2. Menguruskan tabungan secara terus di bawah Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan bukannya caruman ke dalam akaun AmBank. Proses mengeluarkan semula caruman RM100 bagi setiap peserta TAWAS hendaklah dilaksanakan secara teratur dan segera.
3. Ditiadakan skim penerimaan RM1,500 kepada peserta TAWAS pada usia 18 tahun. Ini digantikan dengan:

##### Pilihan Pertama:

- 3.1 Tabungan RM100 tahun pertama dan ditambah RM100 setiap peserta setahun hingga tahun ke-5 ataupun hingga tahun ke-7.
- 3.2 Menyerahkan RM500 kepada peserta pada tahun ke-5 tahun sebagai hadiah anak masuk tadika; atau

#### Semakan Audit:

1. YAWAS mula beroperasi pada 5 Februari 2009 dengan dana peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM13.50 juta.
2. Dari dana RM13.50 juta, sejumlah RM8.50 juta diperuntukkan untuk pemberian SST berjumlah RM100 seorang bagi membuka akaun TAWAS.
3. Dari dana RM13.50 juta, sejumlah RM5 juta adalah untuk kos operasi TAWAS.
4. Sehingga bulan Disember 2011, sejumlah RM7.82 juta daripada peruntukan dana yang diluluskan telah dibelanjakan.
5. Perbelanjaan ini meliputi pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta dan kos operasi RM4.90 juta perlu diberikan penjelasan.

#### Perakuan YAWAS:

1. Berikut merupakan pecahan jumlah keseluruhan perbelanjaan yang digunakan. Perbelanjaan turut termasuk dalam pembangunan sistem TAWAS dan SMUE untuk pengurusan data yang cekap:

| Tahun                     | Jumlah (RM)    | Jumlah (RM)    | Jumlah (RM)           |
|---------------------------|----------------|----------------|-----------------------|
| 2009                      |                |                |                       |
| Operasi                   | RM1,551,426.00 |                |                       |
| (-) SMUE                  | RM358,323.00   | RM1,193,103.00 |                       |
| Pemasaran:                |                |                |                       |
| 1. Program                | RM72,925.00    |                |                       |
| Iklan & Promosi           | RM237,127.00   | RM310,052.00   | RM1,503,155.00        |
| 2010                      |                |                |                       |
| Operasi                   | RM1,641,856.00 |                |                       |
| (-) SMUE                  | RM116,834.00   | RM1,525,022.00 |                       |
| Pemasaran:                |                |                |                       |
| 1. Program                | RM71,326.00    |                |                       |
| Iklan & Promosi           | RM145,406.00   | RM216,732.00   | RM1,741,754.00        |
| 2011                      |                |                |                       |
| Operasi                   | RM1,554,068.00 |                |                       |
| (-) SMUE                  | RM130,857.00   | RM1,423,211.00 |                       |
| Pemasaran:                |                |                |                       |
| 1. Program                | RM23,535.00    |                |                       |
| Iklan & Promosi           | RM172,630.00   | RM196,165.00   | RM1,619,376.00        |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                |                | <b>RM4,864,285.00</b> |

2. Kos operasi YAWAS seperti yang dimaksudkan oleh Juruaudit Negara termasuk RM606,014 yang mana adalah kos yang dibelanjakan untuk Program Mesra Usia Emas di mana YAWAS diberi tanggungjawab untuk mengendalikan sistem dan proses pendaftaran.
3. Kos perbelanjaan YAWAS untuk menguruskan program TAWAS ialah RM4,260,270 untuk tempoh dari 2008 hingga 2011 bukan RM4,900,000 seperti dilaporkan oleh juruaudit.

#### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. YAWAS yang pada dasarnya dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Skim TAWAS juga diberi tanggungjawab untuk menguruskan sistem Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang merupakan program di bawah Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB).
2. Memandangkan YAWAS dan RMSB adalah dua entiti yang berbeza, proses pelantikan YAWAS dibuat oleh RMSB bagi menguruskan salah satu fungsi penting RMSB, iaitu menguruskan sistem SMUE adalah tidak jelas.
3. Sekiranya benar YAWAS dilantik oleh RMSB untuk menjalankan fungsi kerja RMSB, maka jumlah RM606,014 kos yang dibelanjakan untuk Skim SMUE yang telah ditanggung oleh YAWAS adalah tidak wajar.

#### **5.2 Liputan Faedah Program yang Tidak Menyeluruh.**

##### **Semakan Audit:**

1. Jumlah kelahiran di Selangor bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah 313,706. Sungguhpun pihak YAWAS telah membelanjakan sejumlah RM70,688 antara tahun 2009 hingga 2011 untuk melaksanakan promosi, namun jumlah ahli TAWAS adalah 60,972 iaitu hanya 19.4% daripada jumlah kelahiran.
2. Ini menunjukkan sebahagian besar daripada jumlah kelahiran yang dicatatkan tidak layak, tidak memohon atau tidak mengetahui kewujudan Skim TAWAS.
3. Bagaimanapun, semakan audit dengan pihak YAWAS mendapati setakat ini tiada statistik terhadap peratusan kelayakan tersebut dan tiada sasaran pencapaian tertentu ditetapkan di peringkat awal bagi pendaftaran awal anak kelahiran Selangor ke dalam Skim TAWAS.

##### **Perakuan YAWAS:**

1. YAWAS tidak mempunyai statistik kelahiran di Selangor dan telah dimaklumkan Jabatan Pendaftaran Negara enggan memberikan statistik kelahiran Selangor kepada YAWAS.

| Bil | Perkara                                                                                                                                                                      | Jawapan                                                                          |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 6   | Bagaimana kaedah bayaran bagi kes kematian peserta sebelum mencapai usia 18 tahun iaitu, seperti penentuan kadar bayaran, tempoh tuntutan, prosedur tuntutan dan sebagainya? | Dibayar kepada penjaga berdaftar                                                 |
| 7   | Adakah ahli akan dibayar jumlah tetap RM1500 atau jumlah lain bergantung kepada faedah terkumpul SST yang dikeluarkan setiap ahli?                                           | Melalui dua sumber iaitu dari bank dan kerajaan negeri termasuk faedah terkumpul |

#### **5.6 Back-up System TAWAS Tidak Diuji.**

##### **Semakan Audit:**

1. Pengurusan Skim TAWAS memerlukan sistem maklumat yang cekap dan berkesan dalam memastikan semua rekod dan maklumat disimpan dalam keadaan teratur sepanjang tempoh pelaksanaan Skim TAWAS dan boleh digunakan apabila diperlukan.
2. Pemeriksaan Audit terhadap *back-up system* TAWAS mendapati data sistem TAWAS tidak pernah disemak uji bagi memastikan data yang disimpan benar-benar boleh digunakan.

##### **Perakuan YAWAS:**

1. Gangguan sistem TAWAS pernah berlaku sebanyak dua kali iaitu pada 24 November 2011 dan 20 Januari 2012.
2. Sistem telah dapat beroperasi semula selepas 5 jam dan tiada kehilangan data dikenal pasti.

##### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Sistem semak uji bagi *back-up system* TAWAS adalah lemah.
2. Tiada sistem untuk memastikan data yang disimpan benar-benar boleh digunakan.

#### **SARANAN JAWATANKUASA**

##### **A. SARANAN SEIRING DENGAN SYOR AUDIT**

1. Meluaskan tahap hebahan maklumat berhubung dengan peluang untuk mendapatkan maklumat manfaat daripada Skim TAWAS melalui program promosi yang berterusan. Pendaftaran sebanyak 33.5% daripada peratus keseluruhan kelahiran Negeri Selangor masih lagi rendah.

## 5.5 Garis Panduan/SOP Tidak Komprehensif

### Semakan Audit:

1. SOP yang lengkap akan membantu YAWAS melaksanakan TAWAS dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati walaupun YAWAS ada menyediakan SOP dalam menjalankan operasi TAWAS, beberapa perkara penting berkaitan pengurusan TAWAS tidak didokumentasikan.
2. SOP lengkap dan komprehensif tidak disediakan. Beberapa perkara penting tidak didokumentasikan dalam SOP:

| Bil | Perkara                                                                                                                                                                                                |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan manfaat Skim TAWAS?                                                                                                                                      |
| 2   | Siapakah yang boleh menuntut?                                                                                                                                                                          |
| 3   | Bagi wang manfaat yang tidak dituntut, apakah prosedur selanjutnya?                                                                                                                                    |
| 4   | Apakah prosedur seterusnya selepas SST?<br>Bilakah boleh ditunaikan?<br>Perluakah diperbaharui setiap tahun?<br>Adakah faedah dari SST diasingkan dalam akaun/tabung khas untuk pembiayaan Skim TAWAS? |
| 5   | Adakah ibu/bapa bukan warganegara layak menyertai?                                                                                                                                                     |
| 6   | Bagaimana kaedah bayaran bagi kes kematian peserta sebelum mencapai usia 18 tahun iaitu, seperti penentuan kadar bayaran, tempoh tuntutan, prosedur tuntutan dan sebagainya?                           |
| 7   | Adakah ahli akan dibayar jumlah tetap RM1,500 atau jumlah lain bergantung kepada faedah terkumpul SST yang dikeluarkan setiap ahli?                                                                    |

### Perakuan YAWAS:

| Bil | Perkara                                                                                                                                                                                                | Jawapan                                                                                                                                               |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan manfaat Skim TAWAS                                                                                                                                       | Kad Keahlian                                                                                                                                          |
| 2   | Siapakah yang boleh menuntut                                                                                                                                                                           | Hanya pemohon boleh menuntut                                                                                                                          |
| 3   | Bagi wang manfaat yang tidak dituntut, apakah prosedur selanjutnya?                                                                                                                                    | Selepas 2 tahun tidak dituntut akan diisytiharkan sebagai wang tidak dituntut dan dipindahkan ke "unclaim money department" bawah seliaan Bank Negara |
| 4   | Apakah prosedur seterusnya selepas SST?<br>Bilakah boleh ditunaikan?<br>Perluakah diperbaharui setiap tahun?<br>Adakah faedah dari SST diasingkan dalam akaun/tabung khas untuk pembiayaan Skim TAWAS? | Mengikut prosedur bank<br>Umur 18 tahun<br>Secara auto oleh bank<br>YAWAS tidak menyimpan rekod, hanya disimpan oleh bank.                            |
| 5   | Adakah ibu/bapa bukan warganegara layak menyertai?                                                                                                                                                     | Tidak layak, ibu atau ayah perlu warganegara dan pemohon warganegara                                                                                  |

2. Jumlah 313,706 ini tidak boleh diguna pakai kerana merangkumi kelahiran bukan warganegara dan bukan warga Selangor.
3. YAWAS menganggarkan hanya 60% sahaja kelahiran Selangor mungkin layak mendaftar iaitu 188,244 menjadikan peratusan pendaftaran adalah 33.5% (188,244/62,972) dan bukan 19.4% seperti yang dicadangkan juruaudit Negara.

### Penemuan Jawatankuasa:

1. Memang terdapat kesukaran yang nyata bagi YAWAS untuk mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.
2. Anggaran sasaran pendaftaran tidak ditetapkan oleh YAWAS dari peringkat permulaan pelaksanaan Skim TAWAS.
3. YAWAS tidak memaklumkan kepada Audit semasa audit dijalankan tentang anggaran 60% kelahiran yang layak sehingga menjadikan peratusan pendaftaran sebagai 33.5% dan bukan 19.4% seperti yang dinyatakan oleh Audit.

## 5.3 Aktiviti Pelaburan Tidak Dijalankan Bagi Menjana Pendapatan.

### Semakan Audit:

1. Peserta TAWAS yang layak akan dibayar manfaat Skim TAWAS sejumlah RM1,500 seorang apabila menjangkau usia 18 tahun. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu memastikan dana yang mencukupi bagi menampung bayaran faedah Skim TAWAS kepada semua peserta.
2. Mengikut perancangan, sebuah agensi iaitu Permodalan Warisan Anak Selangor Berhad (PAWAS) telah diwujudkan sebagai agensi pelaburan bagi menjana pendapatan yang mencukupi bagi menampung bayaran faedah skim TAWAS yang akan bermula pada tahun 2025.
3. Analisis audit mendapati sejumlah dana yang besar diperlukan untuk pembayaran faedah skim TAWAS. Setakat tahun 2011 peratusan pendaftaran TAWAS adalah 19.4% sahaja namun peruntukan perbelanjaan adalah sebanyak RM22.87Juta setahun, Kerajaan Negeri dijangka perlu membiayai sehingga RM58.94Juta setahun untuk Skim TAWAS jika kelulusan meningkat sehingga RM50%.
4. Pendapatan daripada pelaburan jangka pendek YAWAS bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah berjumlah RM198,101, RM210,716 dan RM213,955 berbanding kos operasi berjumlah RM1.55Juta, RM1.64Juta dan RM1.71Juta. Ini menunjukkan jumlah pendapatan tidak mampu menampung perbelanjaan operasi semasa.

#### **Perakuan YAWAS:**

1. YAWAS ditubuhkan sebagai sebuah syarikat yang tidak berasaskan keuntungan.
2. YAWAS hanya mendapat geran dari kerajaan Negeri untuk menjalankan operasi.
3. YAWAS telah mengambil inisiatif untuk menjana pendapatan dari dana belum dibelanjakan untuk melabur dalam pasaran wang.
4. Dari 2008 hingga 2011 YAWAS telah menjana pendapatan dari pelaburan ini sebanyak RM622,782 dan ini telah dapat meringankan kos operasi.

#### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Tidak ada hala tuju mahupun program bagi membolehkan peserta TAWAS akan dibayar manfaat Skim TAWAS sejumlah RM1,500 seorang apabila mereka berusia 18 tahun kelak.
2. YAWAS telah tersasar daripada *core business*nya apabila telah mengambil inisiatif untuk menjana pendapatan dari dana belum dibelanjakan untuk melabur dalam pasaran wang.
3. Tidak wujud garis panduan dan disiplin yang ketat bagi penggunaan sejumlah RM8.50 juta dari dana RM13.50 juta yang diperuntukkan bagi pemberian SST sehingga dana yang belum dibelanjakan telah digunakan untuk melabur dalam pasaran wang.
4. Pendapatan YAWAS dari pelaburan ini dari 2008 hingga 2011 yang berjumlah sebanyak RM622,782 hanya dapat meringankan kos operasi tetapi tidak mempersiapkan keupayaan YAWAS untuk membayar RM1,500 kepada peserta TAWAS apabila tempoh matang usia 18 tahun bermula kelak.

#### **5.4 Pengeluaran Sijil Simpanan Tetap yang Lewat**

##### **Semakan Audit:**

1. Setiap pemohon TAWAS yang berjaya akan menerima SST bernilai RM100, YAWAS akan menyerahkan cek bayaran kepada cawangan AmBank untuk menyedia dan menyerahkan SST kepada peserta.
2. Sebanyak 66 cawangan AmBank terlibat dalam urusan pengeluaran SST. Didapati tiada SOP yang menetapkan tempoh SST perlu diserahkan kepada peserta dari tarikh pendaftaran dibuat.
3. Semakan Audit terhadap TAWAS mendapati maklumat penyerahan dan penerimaan SST sebenar kepada pihak penerima tidak di rekod dalam satu

sistem. Pihak YAWAS juga tidak menyimpan rekod terperinci terhadap faedah yang diterima daripada SST yang dikeluarkan.

4. Bagi setiap SST yang telah diproses oleh AmBank setelah pembayaran cek oleh YAWAS, tiada SOP yang menetapkan tempoh SST perlu diserahkan kepada peserta. Semakan Audit terhadap sistem TAWAS juga mendapati maklumat penyerahan dan penerimaan SST sebenar kepada penerima tidak di rekod dalam sistem.
5. Berdasarkan rekod seramai 60,972 ahli TAWAS berjaya didaftarkan. Dari jumlah tersebut 36% (21,918) telah dikeluarkan SST manakala 14,421 belum dikeluarkan SST.

#### **Perakuan YAWAS:**

1. Pada permulaan hanya 2 cawangan AmBank sahaja terlibat dalam proses pengeluaran SST. Selepas ditambah kepada 15 cawangan beberapa bulan kemudian, ianya masih tidak dapat memproses jumlah permohonan yang tinggi sehingga 30,000 permohonan.
2. YAWAS tidak dapat menyediakan SOP untuk tempoh serahan SST akibat kekangan dari pihak bank. Sistem TAWAS boleh merekod maklumat penyerahan atau penerimaan SST kepada ahli ke dalam sistem TAWAS kerana fungsi tersebut telah wujud dalam sistem namun hanya beberapa cawangan bank sahaja memberi maklumat tersebut kepada YAWAS.
3. Manakala bagi merekod faedah SST, YAWAS tidak menyediakan modul ini kerana ianya akan melibatkan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun pihak bank mempunyai rekod ini dan YAWAS atau Ahli TAWAS boleh mendapatkan terus dari pihak bank.

#### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Kecekapan YAWAS mengeluarkan SST bergantung secara langsung kepada kecekapan bank memproses permohonan untuk mendapatkan SST.
2. YAWAS tidak menyediakan modul merekodkan faedah SST kerana ianya melibatkan kos yang tinggi.
3. Bank didapati enggan mengutamakan pemprosesan SST berbanding fungsi-fungsi lain perniagaannya di atas pulangan yang kurang setimpal yang diterima bagi melaksanakan perkhidmatan YAWAS.
4. Kecekapan memproses SST boleh dicapai dengan YAWAS sendiri melaksanakan kerja pemprosesan SST tersebut.

#### URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Setiausaha Pejabat



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
(JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD (PIYSB)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD (PIYSB)**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013 pada 19 - 22 November, 25 – 29 November dan 2 Disember 2013.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011 pada muka surat 95 – 111, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 27 Ogos 2013 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai pengurusan Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB) untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |    |                                                              |           |
|----|--------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| 3. | Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Rawang)                        | Ahli      |
| 4. | Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                        | Ahli      |
| 5. | Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Batu Caves)             | Ahli      |
| 6. | Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)           | Ahli      |

Turut Hadir:

1. Puan Roslinah binti Md Jani  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

**AHLI – AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) :

- |      |                                                              |   |           |
|------|--------------------------------------------------------------|---|-----------|
| i)   | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | - | Pengerusi |
| ii)  | Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya) | - | Ahli      |
| iii) | Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Kawasan Batu Caves)     | - | Ahli      |
| iv)  | Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)                | - | Ahli      |
| v)   | Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | - | Ahli      |
| vi)  | Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | - | Ahli      |
| vii) | Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)   | - | Ahli      |

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Ahli), Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Ahli) dan YB Tuan Hj Saari Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini juga telah dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 21 Oktober 2013.

Disahkan oleh :



YB Tuan Hj Saari Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

2. Encik Mohamad Arman bin Razali  
Wakil Bendahari Negeri Selangor
3. Puan Wan Zainab binti Wan Yahya  
Juruaudit Jabatan Audit Negeri Selangor
4. Puan Siti Aishah binti Muhamad Mustaffa  
Penolong Juruaudit Jabatan Audit Negeri Selangor
5. Encik Shahrul Nizam bin Jamil  
Penolong Pengarah Juruaudit Jabatan Audit Negeri Selangor
6. Puan Fauziah binti Md Noor  
Penolong Juruaudit Jabatan Audit Negeri Selangor
7. Encik Mohd Shahrizal bin Mohd Salleh  
Wakil PWN

Jabatan yang dijemput adalah Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB):

1. Prof. Madya Azmi bin Ariffin  
Bendahari UNISEL
2. Prof. Dr. Mohamad bin Daud  
TNC (PSSP) Strategic Planning & Development
3. Puan Rohany binti Talib  
Ketua Pentadbir MBI

### 3. PENEMUAN AUDIT DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Selaras dengan ulasan Audit dan maklum balas pendengaran tertutup yang telah dijalankan oleh JP-ABAS terhadap PIYSB, perkara-perkara berikut telah diperhalusi:

- (1) Prestasi kewangan yang tidak memuaskan
- (2) Pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran
- (3) Tunggakan yuran meningkat
- (4) Sebahagian kemudahan universiti tidak diselenggarakan dengan sempurna
- (5) Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan

#### 4. PENEMUAN DAN SARANAN JAWATANKUASA

##### 4.1 Prestasi Kewangan yang Tidak Memuaskan

###### Semakan Audit:

Prestasi kewangan PIYSB adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai, kerugian terkumpul dan jumlah liabiliti PIYSB telah meningkat.

1. Pada tahun 2010, PIYSB telah mengalami peningkatan kerugian sebelum cukai sebanyak 198.1% iaitu berjumlah RM37.63 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM12.62 juta.
2. PIYSB mencatatkan keuntungan terkumpul bagi tahun 2008, yang berjumlah RM5.97 juta dan kerugian terkumpul bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM7.59 juta dan RM 47.28 juta.
3. Antara sebab-sebab PIYSB mengalami kerugian sebelum cukai semenjak 2009 disebabkan penurunan bilangan kemasukan pelajar, tunggakan yuran yang meningkat dan peningkatan perbelanjaan pentadbiran dan pelbagai perbelanjaan, terutamanya perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan universiti.
4. Jumlah liabiliti semasa berjumlah RM124.87 juta berbanding dengan jumlah pendapatan sebanyak RM75.48 juta pada tahun 2010 menunjukkan PIYSB tidak mampu untuk menjelaskan liabiliti semasa. Antara pemiutang utama PIYSB ialah Bai' Bithaman Ajil Islamic Debt Securities – Affin Bank Berhad (RM150 juta), pemaju/kontraktor/penyenggara (RM263.60 juta) dan Kerajaan Negeri Selangor (RM73.31 juta).

###### Perakuan PIYSB:

1. UNISEL tidak pernah memperoleh keuntungan. Pengiraan pada masa itu tidak termasuk pinjaman RM150 juta, kos pembinaan, pembaikan dan kos kontrak turut tidak dikira berbanding pada masa ini semuanya diambil kira oleh pentadbiran baru.
2. UNISEL memerlukan sekurang-kurangnya RM150 juta untuk membaiki kampus dan perkara ini telah dibawa kepada Lembaga Pengarah.

###### Penemuan Jawatankuasa:

Berdasarkan laporan kewangan terkini yang dibekalkan oleh Menteri Besar Incorporation (MBI) yang melaporkan status kewangan PIYSB tahun 2013 (sehingga 30 Jun 2013), Jawatankuasa mendapati bahawa kedudukan kewangan PIYSB tidak diperkukuhkan semenjak Audit, malah menjadi semakin membimbangkan:

2. PIYSB/UNISEL tidak pernah mencatatkan keuntungan secara hakiki kerana pengiraan sebelum ini tidak memasukkan hutang RM 150 juta, kos pembinaan, kos kontrak dan kos pembaikan.
3. Rekod dan laporan kewangan yang diberikan kepada Audit tidak lengkap dan mengelirukan.

###### Saranan Jawatankuasa:

1. Proses pengauditan melalui audit luar yang berkala perlu dibuat kepada agensi-agensi badan berkanun atau syarikat berkaitan kerajaan yang berskala besar minimum 3 tahun sekali.
2. Penubuhan jabatan audit dalaman dan laporan dari jabatan berkenaan perlu ditetapkan paling kurang setahun sekali.

#### 5. SARANAN JAWATANKUASA SECARA KESELURUHAN TERHADAP UNISEL

UNISEL ditubuhkan sebagai universiti swasta. Bagi melanjutkan pelajaran di UNISEL, terdapat agensi yang menyediakan kemudahan pinjaman pembelajaran kepada pelajar antaranya Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat, Yayasan Selangor, Kerajaan Negeri Selangor, Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah, Yayasan Terengganu dan Biasiswa Karangraf.

Sepatutnya operasi UNISEL mampu menjana keuntungan bukan kerugian. Tambahan pula, kerugian PIYSB telah mencapai tahap yang amat membimbangkan dan ianya akan membebankan Kerajaan Negeri kerana akhirnya PIYSB akan memerlukan peruntukan dari Kerajaan Negeri iaitu wang rakyat bagi meneruskan operasinya.

Di samping Jawatankuasa meminta Kerajaan Negeri meneliti saranan-saranan di atas, Jawatankuasa juga menyarankan Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mencairkan ataupun melepaskan pegangan PIYSB terhadap UNISEL dan seterusnya melaksanakan penswastan penuh terhadap UNISEL.

3. Semasa UNISEL mula beroperasi sepatutnya loji kumbahan dan tangki air diserahkan kepada pihak IWK dan SYABAS.

**Saranan Jawatankuasa:**

1. UNISEL perlu mengoptimumkan penggunaan bangunan Kota Puteri sebagai tempat sistem sokongan bagi pelajar luar negara belajar Bahasa Inggeris dan tempat bagi warga kerja menjalankan kursus jangka pendek.
2. UNISEL perlu mendapat bantuan Kerajaan Negeri bagi menuntut Talam Corporation menyelesaikan kos RM20 juta bagi pembinaan loji kumbahan sebagai sebahagian daripada penyelesaian Hutang Talam kepada Kerajaan Negeri.
3. UNISEL perlu sebagaimana Perkara 2 di atas, memastikan Talam Corporation menyempurnakan kerja-kerja perlu bagi menyerahkan loji kumbahan kepada IWK dan SYABAS.

**4.5 Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan Tidak Ditubuhkan**

**Semakan Audit:**

Secara keseluruhan tadbir urus korporat PIYSB tidak memuaskan kerana Audit Dalam tidak berfungsi, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan. Audit juga mendapati kawalan perbelanjaan dan aset kurang memuaskan.

**Perakuan PIYSB:**

1. Jawatan Juru Audit Dalam telah dipenuhi dengan pelantikan Puan Asiah Bt Harun pada Mac 2013.
2. Selepas melantik Juru Audit Dalam berfungsi perkara penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan akan dibawa dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang (Ogos 2013).
3. Penyata Kewangan masih dalam pertimbangan Lembaga Pengarah untuk disahkan. Semakan 2011 dan semakan 2012 oleh bahagian kewangan negeri.
4. Pihak pengurusan telah melaksanakan "Aset Tagging Process" ke atas semua aset syarikat.
5. Lembaga Pengarah telah meluluskan SOP bagi Pengurusan Tender manakala SOP Kawalan Kewangan lain diluluskan di peringkat eksekutif.

**Penemuan Jawatankuasa:**

1. Penyata Kewangan PIYSB/UNISEL belum dapat diaudit oleh pihak Audit.

1. Kerugian terkumpul terkini telah mencatat RM 120.16 juta berbanding dengan RM47.28 juta pada 2010 yang dilaporkan Audit. Ini adalah peningkatan 258% dalam 2.5 tahun.
2. Kecairan kewangan PIYSB adalah amat membimbangkan. Aset semasa terkini PIYSB ialah RM48.78 juta berbanding dengan liabiliti semasa RM105.053 juta. Nisbah semasa PIYSB, iaitu kemampuan PIYSB untuk menjelaskan liabiliti semasa, telah merosot dari 0.67 pada 2010 ke 0.46 pada 2013.

**Saranan Jawatankuasa**

Ahli Lembaga Pengarah PIYSB perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat dengan:

1. Meningkatkan kemasukan pelajar.
2. Mengurangkan tunggakan yuran.
3. Menyusun semula aset universiti untuk mengurangkan kos penyelenggaraan kemudahan.
4. Mengadakan sistem audit seperti yang dicadangkan oleh Audit.

**4.2 Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran**

**Semakan Audit:**

Sasaran kemasukan pelajar baru mencatatkan penurunan 1.9% pada 2009 dan 10% pada tahun 2010 dengan prestasi mencapai sasaran pada tahap 83% sahaja. Walaupun tahun 2011 mencatatkan peningkatan kemasukan pelajar baru dengan kenaikan pada kadar 1.5% berbanding tahun 2010 tetapi sasaran yang ditetapkan pada tahun tersebut berkurang dari 11,895 (2010) kepada 5,290 (2011).

**Perakuan oleh PIYSB:**

1. UNISEL gagal bertindak cepat dengan perubahan semasa seperti imej negatif yang disebarkan oleh media-media tertentu dan masalah politik dalaman.
2. Sistem lama pengurusan permohonan kurang efisien dan lambat menyebabkan surat tawaran lambat dikeluarkan.
3. UNISEL telah memperkenalkan sistem e-tawaran pada April 2011 yang mana meningkatkan kemasukan pelajar baru dari 3% kepada 20%.
4. Jangka masa April 2011 – Disember 2011, 90% daripada tawaran kemasukan pelajar baru adalah melalui sistem e-tawaran.

5. UNISEL menyusun kembali fokus pemasaran dengan meningkatkan iklan di media dan kawasan sasaran.

**Penemuan Jawatankuasa:**

1. Masalah dalam UNISEL berlarutan terlalu lama sehingga menimbulkan ketidaktentuan pengurusan dan imej negatif di dalam dan di luar UNISEL.
2. UNISEL gagal menampilkan kelainan dan keistimewaan tersendiri yang boleh menarik perhatian pelajar baru dalam dan luar negara.

**Saranan Jawatankuasa:**

1. UNISEL perlu membina kesepakatan dalaman dan pasukan kerja yang fokus dalam mencapai sasaran yang ditetapkan.
2. UNISEL perlu mewujudkan *niche* dalam pasaran industri pendidikan yang mampu menampilkan keunggulannya yang tersendiri.
3. UNISEL perlu menjenamakan semula serta mempakejkan semula tawarannya agar dilihat lebih kompetitif dan cemerlang.
4. UNISEL perlu menggariskan objektif yang lebih spesifik disertakan dengan strategi berkesan bagi meningkatkan pendaftaran pelajar.

**4.3 Tunggakan Yuran Meningkat**

**Semakan Audit:**

Terdapat tunggakan yuran bagi pelajar yang telah tamat pengajian terkumpul sebanyak RM 3.08 juta (sehingga 2011) dan sebanyak RM 30.77 juta bagi pelajar yang belum menamatkan pengajian.

**Perakuan PIYSB:**

1. UNISEL memperbaiki sistem kutipan dengan memperkenalkan sistem pemotongan berkadar untuk pelajar PTPTN (6 kali).
2. Menurunkan baki minimum untuk pelajar persendirian.
3. Selepas tahun 2011 pelajar yang bergraduasi tidak boleh menghadiri majlis konvokesyen sehingga mereka menyelesaikan tunggakan yuran mereka.

**Penemuan Jawatankuasa:**

1. Jumlah hutang pelajar yang bergraduasi masih tinggi terutama tunggakan tahun 2008 – 2010.

2. Ketiadaan mekanisme pungutan yang berkesan bagi mereka yang telah bergraduasi.

**Saranan Jawatankuasa:**

1. UNISEL perlu wujudkan satu mekanisme yang mudah, praktikal dan tanpa birokrasi bagi meningkatkan pungutan yuran tertunggak mereka yang telah bergraduasi.
2. UNISEL perlu wujudkan insentif potongan yuran tertunggak menurut kadar-kadar bayaran tertentu.

**4.4 Sebahagian Kemudahan Universiti Tidak Diselenggarakan dengan Sempurna**

**Semakan Audit:**

1. Keretakan bangunan asrama siswi di UNISEL Bestari Jaya.
2. Bangunan Asrama Kota Puteri tidak digunakan.
3. Loji kumbahan dan tangki air masih belum diserahkan kepada pihak SYABAS dan Indah Water Konsortium (IWK).

**Perakuan PIYSB:**

1. Bangunan asrama dibina melalui konsep Build, Operate and Transfer (BOT) oleh pemaju, justeru kerja penambahbaikan adalah tanggungjawab pemaju.
2. Pelajar siswi dipindahkan ke penempatan lain dan melantik konsultan untuk menilai tahap kerosakan untuk diperbaiki oleh pengusaha BOT.
3. Asrama Kota Puteri telah digunakan sepenuhnya untuk menempatkan pelajar yang dipindah keluar daripada asrama BOT yang tidak selamat pada Januari 2013.
4. Menaik taraf loji kumbahan dan tangki air yang rosak dan tidak menepati spesifikasi dengan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan negeri sebelum diserahkan kepada SYABAS dan IWK.

**Penemuan Jawatankuasa:**

1. UNISEL membeli bangunan yang tidak diperlukan pada masa tersebut (Kota Puteri).
2. Kos RM 20 juta menaik taraf loji kumbahan sepatutnya ditanggung oleh pihak kontraktor (Talam Corporation).

## AHLI – AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) :

- |                                                                  |   |           |
|------------------------------------------------------------------|---|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)  | - | Pengerusi |
| ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya) | - | Ahli      |
| iii) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Kawasan Batu Caves)    | - | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)                | - | Ahli      |
| v) Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)        | - | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | - | Ahli      |
| vii) Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)  | - | Ahli      |

## URUS SETIA

- |                                                                      |
|----------------------------------------------------------------------|
| i) Puan Elya Marini binti Darmin<br>Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN) |
| ii) Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir<br>Ketua Penolong Setiausaha   |
| iii) Puan Noor Diana binti Razali<br>Penolong Setiausaha (Dewan)     |
| iv) Puan Siti Salina binti Muftar<br>Setiausaha Pejabat              |
| v) Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid<br>Setiausaha Pejabat          |



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
(JP-ABAS)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**

**PROJEK PENGHUTANAN SEMULA  
DI HUTAN SIMPAN RANTAU PANJANG  
DAN HUTAN SIMPAN BUKIT TAREK**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**

**PROJEK PENGHUTANAN SEMULA DI HUTAN SIMPAN RANTAU PANJANG DAN HUTAN SIMPAN BUKIT TAREK**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013 pada 19 - 22 November, 25 – 29 November dan 2 Disember 2013.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011 pada muka surat 61 – 72, JP-ABAS telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 30 Julai 2013 dengan memanggil wakil-wakil daripada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| 3. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Batu Caves)             | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                        | Ahli      |
| 5. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)               | Ahli      |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)           | Ahli      |

Penyata ini disediakan oleh YB Tuan Hj Saari Sungib, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini juga telah dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 21 Oktober 2013.

Disahkan oleh :



YB Tuan Hj Saari Sungib  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS)

1. Pihak Pengurusan PKPS menggariskan objektif-objektif, strategi dan program yang spesifik bagi setiap satu daripada inisiatif berikut:
  - 1.1 Menarik balik pajakan tanah
  - 1.2 Penggulangan syarikat pemajak
  - 1.3 Pembatalan pajakan dan konsesi tanah
  - 1.4 Mengusahakan sendiri tanah.
2. Pihak Pengurusan memastikan program dan pelaksanaan kerja Jawatankuasa Teknikal berjalan secara berkesan dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu sekurang-kurangnya dua kali setahun.
3. Pihak Pengurusan PKPS hendaklah memastikan segala syor pihak Audit diambil kira, dipertimbangkan sebaiknya serta diambil tindakan wajar.
4. Di mana yang berkaitan dengan kepentingan Negeri Selangor, Majlis PKPS hendaklah mewujudkan hubungan kerja yang berjadual dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat MTES dan MMKN.
5. Di mana yang berkaitan dengan kepentingan dan nama baik Kerajaan Negeri Selangor, sama ada yang melibatkan pembangunan dan pengurusan kawasan-kawasan yang telah diambil semula ataupun proses undang-undang di mahkamah, Kerajaan Negeri hendaklah menyalurkan dana yang diperlukan bagi tujuan-tujuan tersebut.
6. Pihak Kerajaan Negeri hendaklah, bersekali dengan Perkara 1.1 – 1.4 di atas, membentangkan satu kertas putih berkenaan status keseluruhan Projek Penghutan Semula di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek di Sidang Dewan Negeri dalam tempoh satu tahun dari tarikh Penyata ini diluluskan oleh Dewan Negeri.

Jabatan yang dijemput adalah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS):

1. Tuan Haji Akmal Azam bin Ahmad  
Timbalan Pengurus Besar PKPS
2. Puan Noor Azreena binti Abdul Aziz  
Pengurus Perancangan Perniagaan
3. Encik Pongot bin Abdul Sajab  
Pengurus Perladangan

### 3. PENEMUAN AUDIT DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Audit yang telah dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada keseluruhannya sasaran Projek Penghutan Semula oleh PKPS tidak tercapai sepenuhnya. Hanya 66.3% daripada 10,000 hektar kawasan telah dibangunkan dan ditanam semula. Terdapat beberapa kelemahan lain, iaitu:

- (1) Rancangan lewat disediakan
- (2) Penanaman jenis pokok tidak mengikut kelulusan
- (3) Tanah lewat dipajak
- (4) Pokok lewat ditanam selepas perjanjian ditandatangani
- (5) Tunggakan hutang syarikat pemajak belum dikutip
- (6) Pelantikan syarikat pemajak tidak teratur
- (7) Kekurangan pemantauan

### 4. PERAKUAN PKPS KEPADA JAWATANKUASA

Berdasarkan dokumen bertarikh 30 Julai 2013 yang disediakan oleh PKPS kepada Jawatankuasa, PKPS memprakui:

1. Program penghutan semula di bawah PKPS melibatkan dua kawasan hutan simpan seluas 10,000 hektar. Dua kawasan tersebut ialah Hutan Simpan Bukit Tarek (5,000 hektar) dan Hutan Simpan Rantau Panjang (5,000 hektar).
2. Kedua-dua hutan simpan tersebut pada asalnya telah diusahakan dengan tanaman pokok acacia mangium pada tahun 1984 oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Sehingga tahun 1994, seluas 10% daripada jumlah kawasan mencapai tahap matang dan sesuai untuk dituai dan ditanam semula.

3. Bagi pelaksanaan program penghutan semula ini, satu perjanjian pajakan dan konsesi tanah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan PKPS pada 22 Februari 2001 dengan tempoh konsesi selama 60 tahun.
4. Kerajaan Negeri pada ketika itu telah mengarahkan PKPS untuk menjalankan program penghutan semula kedua-dua Hutan Simpan tersebut dengan pokok sentang dan jati bagi menggantikan pokok-pokok acacia sedia ada. Pada masa yang sama, seluas 1,000 hektar tanah Hutan Simpan Rantau Panjang telah dijadikan sebagai kawasan tanaman buah-buahan.
5. Pelaksanaan program dibuat melalui dua kaedah, iaitu secara pajakan kecil tanah dan secara usaha sama. Kawasan terlibat adalah seperti berikut:

5.1 Hutan Simpan Bukit Tarek (5,000 hektar)

- (1) Keseluruhan tanah telah dipajak kecil kepada Peninsular Forest Management Sdn. Bhd. (dahulunya Schrader Forest Management Sdn. Bhd.).
- (2) Perjanjian pajakan kecil tanah telah ditandatangani pada 7 Mac 2001.
- (3) Jenis pokok yang diusahakan ialah pokok jati.
- (4) Tempoh pajakan ialah 50 tahun.
- (5) Pemilihan pemajak dibuat secara rundingan terus oleh Kerajaan Negeri Selangor pada ketika itu.

5.2 Hutan Simpan Rantau Panjang (5,000 hektar)

- (1) Terdapat enam (6) perjanjian pajakan kecil tanah ditandatangani oleh PKPS bagi menjalankan program penghutan semula di Hutan Simpan tersebut. Perjanjian-perjanjian ini telah ditandatangani antara tahun 2001 hingga 2005.
- (2) Megafores Nursery Sdn. Bhd.
  - (1) Merupakan syarikat usaha sama di antara PKPS (49%) dan Mega Forest Plantation Management Sdn. Bhd. (51%)
  - (2) Perjanjian usaha sama dan pajakan kecil tanah telah ditandatangani pada 22 Februari 2001.
  - (3) Keluasan tanah ialah 1,000 hektar.
  - (4) Jenis pokok yang diusahakan ialah sentang.
  - (5) Tempoh perjanjian ialah 50 tahun.

kepada PKPS sebanyak 4% daripada hasil ladang. Hasil ladang dijangka hanya akan diperoleh pada tahun ketujuh penanaman.

4. Pihak pengurusan baru PKPS juga telah menyediakan unjuran pendapatan PKPS untuk tempoh 50 tahun dengan unjuran pendapatan sebanyak RM39.75 juta yang merupakan jumlah pendapatan yang jauh lebih rendah berbanding jumlah yang dijangka akan diperoleh oleh pemajak-pemajak kecil tanah, iaitu RM408.916 juta.
5. Pihak pengurusan baru PKPS juga telah mengambil tindakan wajar terhadap syor-syor yang dikemukakan oleh Audit.
6. Pihak pengurusan baru PKPS telah mewujudkan Jawatan Teknikal pada 12 Mac 2012 untuk memantau projek antaranya membuat lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kemajuan kerja penghutan semula kepada Jawatankuasa Pemandu dua kali setahun.
7. Pihak pengurusan baru PKPS juga melalui Laporan P.A (Plantation Advisor) Mac – April 2013 Projek Penghutan Semula telah mengadakan pemantauan serta semakan dan lawatan kerja ke kawasan-kawasan konsesi penghutan semula dengan cara yang lebih sistematik, berdokumentasi dan berkesan.
8. PKPS telah menandatangani perjanjian-perjanjian pajakan kecil tanah dalam menjalankan program penghutan semula walaupun perjanjian-perjanjian tersebut tidak menguntungkan PKPS. Ini kerana PKPS telah terikat untuk meneruskannya. Sekiranya perjanjian-perjanjian sedia ada ditamatkan tanpa asas yang kukuh maka PKPS akan terdedah kepada tindakan undang-undang oleh syarikat pemajak yang terlibat. Pada pandangan Pengurusan PKPS, ini boleh merugikan PKPS dan Kerajaan Negeri.
9. Enakmen PKPS tidak mensyaratkan pemajakan kepada syarikat-syarikat pemajak kecil tanah untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat MTES atau MMKN.
10. Buat masa ini, bekas rakan usaha sama PKPS iaitu Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd telah menyaman PKPS untuk mendapatkan bayaran ganti rugi sebanyak RM59 juta yang merupakan nilai hak penggunaan tanah selama 50 tahun.

## 8. SARANAN JAWATANKUASA

Berdasarkan penyusunan semula pengurusan tanah-tanah pajakan dan pengurusan ladang serta tindakan undang-undang yang sedang dijalankan oleh PKPS terhadap syarikat-syarikat pemajak dan juga tindakan undang-undang terhadap PKPS daripada syarikat-syarikat pemajak, Jawatankuasa menyarankan:

| Bil    | Syarikat                                 | Untung (RM juta) |
|--------|------------------------------------------|------------------|
| 1      | Peninsular Forest Management Sdn. Bhd.   | 245.625          |
| 2      | Megafores Nursery Sdn. Bhd.              | 24.380           |
| 3      | In-N-Out Plantation Management Sdn. Bhd. | 46.666           |
| 4      | Mewah Ikhtiar Sdn. Bhd.                  | 30.826           |
| 5      | Eco Murni Sdn. Bhd. ***                  | 0.679            |
| 6      | Kayangan Rampai Sdn. Bhd. ***            | 0.943            |
| 7      | Tropical Position Sdn. Bhd.              | 59.797           |
| Jumlah |                                          | 408.916          |

\*\*\*Mengusahakan projek penanaman buah-buahan sahaja.

## 7. PENEMUAN JAWATANKUASA

- Jawatankuasa Penghutanan Semula Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpan Rantau Panjang yang ditubuhkan serentak dengan perjanjian konsesi dan pajakan tanah di antara PKPS dengan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2001 tidak pernah mengadakan mesyuarat dalam tempoh dari tahun 2001 hingga tahun 2006. Jawatankuasa yang ditubuhkan bertujuan untuk memantau, memberi panduan dan mengawasi kedua-dua kawasan tersebut hanya mengadakan mesyuarat pada bulan Mei tahun 2007. Jawatankuasa telah dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).
- Pihak Pengurusan PKPS yang baru (selepas Mac 2008) telah mengambil langkah-langkah tegas termasuk:
  - Menarik balik pajakan tanah
  - Penggulungan syarikat pemajak
  - Pembatalan pajakan dan konsesi tanah
  - Mengusahakan sendiri tanah
- Pihak pengurusan baru PKPS juga telah membuat beberapa semakan dan pindaan perjanjian pajakan tanah yang sebelum ini tidak menguntungkan PKPS kepada satu kadar pajakan yang lebih saksama. Selain daripada kadar pajakan tanah, syarikat-syarikat pemajak juga disyaratkan untuk membayar royalti

- Pemilihan pemajak dibuat secara rundingan terus oleh Kerajaan Negeri Selangor pada ketika itu.
- In-N-Out Plantation Management Sdn. Bhd.
  - Perjanjian pajakan kecil tanah ditandatangani pada 16 Mei 2002.
  - Keluasan tanah ialah 1,000 hektar.
  - Jenis pokok yang diusahakan ialah pokok getah balak.
  - Tempoh perjanjian ialah 50 tahun.
- Mewah Ikhtiar Sdn. Bhd.
  - Perjanjian pajakan kecil tanah ditandatangani pada 28 Januari 2003.
  - Keluasan tanah ialah 660 hektar.
  - Jenis pokok yang diusahakan ialah pokok getah balak.
  - Tempoh perjanjian ialah 50 tahun.
- Eco Murni Sdn. Bhd.
  - Perjanjian pajakan kecil tanah ditandatangani pada 14 Februari 2003.
  - Keluasan tanah ialah 80 hektar.
  - Jenis pokok yang diusahakan ialah pokok buah-buahan dan sayur-sayuran.
  - Tempoh perjanjian ialah 50 tahun.
- Kayangan Rampai Sdn. Bhd.
  - Perjanjian pajakan kecil tanah ditandatangani pada 7 Januari 2005.
  - Keluasan tanah ialah 100 hektar.
  - Jenis pokok yang diusahakan ialah pokok buah-buahan.
  - Tempoh perjanjian ialah 50 tahun.
- Tropical Position Sdn. Bhd.
  - Perjanjian pajakan kecil tanah ditandatangani pada 11 Oktober 2005.

(2) Keluasan tanah ialah 1,145 hektar.

(3) Jenis pokok yang diusahakan ialah pokok getah balak.

(4) Tempoh perjanjian ialah 50 tahun.

(8) Baki tanah Hutan Simpan Rantau Panjang telah diusahakan sendiri oleh PKPS dan syarikat subsidiarinya, iaitu SOPIC Sdn. Bhd. Tanah yang terlibat telah diusahakan dengan pokok getah balak, kelapa pandan dan tanaman buah-buahan tropika.

6. Kadar pajakan tanah didapati tidak menguntungkan PKPS kerana (1) terlalu rendah dan (2) hanya boleh dikutip setelah kawasan diusahakan. Untuk semua syarikat-syarikat pemajak (kecuali Tropical Position Sdn. Bhd.), kadar pajakan yang ditetapkan ialah:

1) Tahun 1 - 6 : RM10 per hektar per tahun

2) Tahun 7 - 15 : RM13 per hektar per tahun

3) Tahun 16 - 50 : RM20 per hektar per tahun

7. Bagi Tropical Position Sdn. Bhd. kadar pajakan yang ditetapkan ialah:

1) Tahun 1 - 6 : RM18 per hektar per tahun

2) Tahun 7 - 15 : RM23 per hektar per tahun

3) Tahun 16 - 50 : RM28 per hektar per tahun

8. Selain daripada kadar pajakan tanah, syarikat-syarikat pemajak juga disyaratkan untuk membayar royalti kepada PKPS sebanyak 4% daripada hasil ladang. Hasil ladang dijangka hanya akan mula diperoleh pada tahun ketujuh penanaman.

#### 5. TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH PKPS

PKPS telah mengambil tindakan tegas untuk membetulkan kelemahan-kelemahan yang lepas iaitu seperti berikut:-

##### 1. Menarik Balik Pajakan Tanah

Jemaah Ahli PKPS pada bulan Mei 2007 telah meluluskan sebahagian daripada tanah Hutan Simpan Rantau Panjang dipajak kecil kepada dua buah syarikat, iaitu Insan Makmur Sdn. Bhd. (20 hektar) dan Maju Global Trading Sdn. Bhd. (60 hektar). PKPS telah mengambil tindakan untuk menarik balik tanah-tanah tersebut daripada kedua-dua syarikat pada 22 November 2008.

#### 2. Penggulangan Syarikat Pemajak

PKPS telah mendapatkan perintah mahkamah pada tahun 2011 untuk menggulung syariat Megafores Nursery Sdn. Bhd., iaitu syarikat usaha sama di antara PKPS dan Mega Forest Plantation Management Sdn. Bhd., kerana didapati telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membatalkan pajakan tanah dan konsesi dengan PKPS bagi tanah yang terlibat, iaitu di Hutan Simpan Rantau Panjang seluas 1,000 hektar pada tahun 2010.

#### 3. Pembatalan Pajakan dan Konsesi Tanah

Kerajaan Negeri telah membatalkan pajakan dan konsesi tanah dengan PKPS bagi tanah seluas 3,231 hektar di Hutan Simpan Bukit Tarek yang melibatkan syarikat pemajak Peninsular Forest Management Sdn. Bhd. Pembatalan tersebut dibuat pada tahun 2010.

#### 4. Mengusahakan Sendiri Tanah

Mulai tahun 2009, PKPS juga telah mengusahakan sendiri baki tanah-tanah yang ada di Hutan Simpan Rantau Panjang dengan pokok getah balak (300 hektar) dan pokok kelapa pandan (80 hektar). Di samping itu, SOPIC Sdn. Bhd. juga telah mengusahakan tanah-tanah yang ada dengan pelbagai tanaman buah-buahan tropika. Dengan lain perkataan, PKPS tidak lagi memajakkan tanah-tanah yang ada kepada syarikat luar.

#### 6. UNJURAN PENDAPATAN KEPADA PKPS

1. Untuk tempoh selama 50 tahun, PKPS dijangka mendapat pendapatan sebanyak RM39.75 juta, iaitu merangkumi perkara-perkara berikut:

| Bil    | Perkara                      | RM juta |
|--------|------------------------------|---------|
| 1      | Hasil pajakan kecil tanah    | 2.638   |
| 2      | Kutipan royalti balak Acacia | 0.301   |
| 3      | Royalti hasil ladang         | 36.811  |
| Jumlah |                              | 39.750  |

2. Jumlah pendapatan ini jauh lebih rendah berbanding jumlah yang dijangka akan diperoleh oleh pemajak-pemajak kecil tanah, iaitu: